

→ EHWAL ANTARABANGSA

[FOTO ASYRAF HAMZAH/BH]



Dari kiri Deborah, Astanah; Moderator, Azri Hazwani; Suhaimi dan Sarimah pada majlis Diskusi Diplomasi Selebriti di ibu negara, semalam.

PBB guna selebriti sampaikan mesej

→ Pendekatan baharu bagi menarik perhatian masyarakat dunia terhadap isu antarabangsa

Oleh Nadia Hamid
nnadia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Populariti selebriti dilihat menjadi pendekatan baharu Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melontarkan idea dan menarik perhatian masyarakat dunia terhadap isu antarabangsa seperti pelarian, geopolitik serantau, kemanusiaan serta keselamatan.

Selebriti antarabangsa, misalnya pelakon Angelina Jolie, Leonardo DiCaprio, Maher Zain, David Beckham dan Amir Khan, yang terkenal dalam bidang masing-masing dipilih sebagai duta bagi memainkan tanggungjawab ke arah mengubah pemikiran orang ramai terhadap sesuatu isu.

'Suara baharu'

Timbalan Pengarah Am, Komuniti Ekonomi, Sekretariat Kebangsaan ASEAN (Malaysia), Astanah Abdul Aziz, berkata pemilihan selebriti sebagai 'suara baharu' yang memiliki rangkaian peminat digital meluas seluruh dunia, menjadikan maklumat disuarakan sampai kepada orang ramai.

Katanya, dahulu, pende-

katan konvensional melibatkan polisi kerajaan dan antarabangsa disuarakan diplomat, namun biasanya golongan berkenaan terhad kepada polisi dan kekangan, gagal mencapai matlamat atau meninggalkan impak terhadap orang ramai, selain berisiko menyebabkan konflik berpanjangan.

"Selebriti memiliki kuasa perantara mengubah persepsi dan mencetuskan isu berkaitan kepada orang ramai. Sebarang status di media sosial selebriti meraih ribuan like dan perkongsian peminat mereka.

"Isunya adalah bagaimana selebriti menggunakan kuasa perantara mereka? Adakah pemilihan selebriti sebagai duta berkesan atau sekadar menaikkan nama sesebuah organisasi?"

Ikut garis panduan

"Namun, selebriti yang mahu membincangkan isu 'panas' wajar mengikut garis panduan, mendapatkan fakta betul, kredibiliti dan integriti sebelum mengetengahkan sesuatu isu," katanya ketika majlis Diskusi Diplomasi Selebriti: Inovasi Amalan Diplomatik, Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR), di sini, semalam.

Panel diskusi membincangkan peranan selebriti terhadap usaha meningkatkan imej negara, menarik perhatian antarabangsa dan kredibiliti hubungan politik antarabangsa turut disertai bekas Ketua Pengarang Kumpulan Astro Awani, Suhaimi Sulaiman; Miss Universe Malaysia 2011, Deborah Henry dan artis yang juga pengacara Bella Ntv7, Sarimah Ibrahim.

Sementara itu, lebih 50 peserta daripada pelbagai agensi, antaranya Kementerian Luar Malaysia, Pejabat Perdana Menteri dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) berkongsi pandangan mereka dalam acara anjuran Diploma Diplomasi (DiD) dan Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR).

Astanah berkata, tidak semua selebriti berupaya menggalas tanggungjawab berkenaan berikutan ada antara mereka terlampau kasar mengeluarkan pendapat sehingga 'mengacau' dasar kerajaan.

"Langkah terbaik mewujudkan selebriti diplomasi beretika ialah mengadakan dialog dengan kerajaan supaya kedua-dua pihak boleh mencapai keputusan bersama," katanya.

Kembara Desa Ramadan

6 Jun - 3 Julai 2016
7:00mlm - 10:30mlm
The Buzz, Aras G

RM 88

nett untuk dewasa
Tempahan minggu pertama

RM 108

nett dewasa

RM 78

nett kanak-kanak/
warga emas

RM 1080

nett PERCUMA 1
baucar setiap
10 baucar

Untuk pertanyaan dan tempahan, sila hubungi:
T: +6 03-3325 6828/6928/6868 | E: fnb@premiere-hotels.wct.my

Première Hotel® Owned by WCT Hotel Sdn Bhd (14116)-P
Bandar Bukit Tinggi, 14500, Jalan Langkat, 41200 Klang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel: +6 03-3325 6808 | Fax: +6 03-3325 6869 | Email: enquiry@premiere-hotels.wct.my
Facebook.com/PremiereHotels | Twitter.com/PremiereHotel | Youtube.com/PremiereHotelKlang

meetings | events | weddings | leisure | dining

www.premiere-hotels.com

Reaksi

Diplomasi selebriti menarik perhatian masyarakat dunia isu antarabangsa



Cabaran bagi artis tempatan menjadi selebriti diplomasi ialah tiada kebebasan bersuara. Ada duta menjadi 'batu loncatan' sesebuah organisasi untuk raih glamour dan menceburi politik"

Sarimah Ibrahim,
Artis yang juga pengacara Bella Ntv7



Pembaca lebih percayakan selebriti, Facebook atau status Twitter berbanding pembuat dasar kerana pilihan pelbagai maklumat ada di media sosial"

Suhaimi Sulaiman,
Bekas Ketua Pengarang Kumpulan Astro Awani